

Khamis, Apr 19 2018



NAJIB TUN RAZAK (tengah) disambut ribuan orang ramai pada Program Ramah Mesra dan Jamuan Rakyat di Kuala Kangsar, Perak, semalam. - BERNAMA

Negara lain turut beri bantuan kewangan kepada rakyat mereka

UM 19/4

BR1M bukan rasuah - PM

Oleh KHAIRUL ABIDIN NUAR
khairul.nuar@utusan.com.my

■ KUALA KANGSAR 18 APRIL

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, inisiatif seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) turut dilaksanakan di negara-negara lain sekali gus menafikan dakwaan pihak tertentu kononnya program itu adalah rasuah politik.

Menurut Perdana Menteri, beliau mahu menegakkan prinsip bahawa setiap hasil kewangan negara yang bertambah melalui pentadbiran berhemat, mesti dipulangkan kembali kepada rakyat.

“Di mana-mana negara pun ada sistem, cuma dia tidak dipanggil BR1M. Di Arab Saudi, dimasukkan ke dalam akaun. Di Singapura, masuk akaun Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF).”

“Di Amerika Syarikat (AS), dia bagi setem makanan, maknanya kalau pergi ke kedai atau pasar raya, boleh beli barang. Kita bagi tunai sebab hendak pergi pasar raya boleh, beli nasi lemak pun boleh, hendak pergi pasar tani pun boleh, hendak buat apa pun boleh,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program ramah mesra dan jamuan rakyat bersama Perdana Menteri di De-

wan Jubli Perak di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan serta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Dalam pada itu, Najib membidas dakwaan kononnya ekonomi negara merudum sebaliknya menegaskan nilai mata wang negara semakin kukuh seperti dibuktikan melalui unjuran yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) baru-baru ini yang menjangkakan kenaikan antara RM3.60 dan RM3.70 berbanding dolar AS.

Katanya, jika Malaysia adalah negara bankrap, tidak mungkin dapat menarik pelaburan Saudi Aramco sebanyak AS\$7 bilion untuk projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor selain berupaya menaikkan gaji penjawat awam dua kali tahun ini.

“Baru-baru ini, kita terima sebanyak RM28 bilion yang masuk ke akaun Petronas atas sebab ringgit kita antara matawang paling kukuh. Zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad, (Bank Negara Malaysia) hilang RM31 bilion dalam urus niaga mata wang asing (pada 1990-an),” katanya.